

1100089027

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu



LP 59 FPE 2 2008



1100089027

Laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan di Malaysia /
Nuruzaini Hasbollah.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089027		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**LALUAN PERTUMBUHAN SEKTOR PERKHIDMATAN
DI MALAYSIA**

**NURUZAINI BINTI HASBOLLAH
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2008**

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4998/9) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

1 APRIL 2008



NURUZAINI BIN HASBOLLAH
UK 12013

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998/9) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

1st April 2008



NURUZAINI BIN HASBOLLAH
UK 12013



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T kerana dengan izinNYA saya berjaya menyiapkan kajian saya yang bertajuk '**Laluan Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan di Malaysia**'. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia kertas projek saya yang dikasihi iaitu **Dr. Nur Azura bte Sanusi** kerana tidak putus asa memberi tunjuk ajar dan mengawasi perjalanan kertas projek ini sehingga ia berjaya disiapkan. Moga segala ilmu yang dipelajari akan saya aplikasikan dalam kehidupan yang mendatang.

Kedua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi** terutama kepada pensyarah dan kakitangan fakulti yang banyak membantu dalam proses penyediaan kertas projek ini. Tidak ketinggalan, kakitangan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Cawangan Terengganu, Perbadanan Produktiviti Negara, dan Perbadanan Produktiviti Cawangan Terengganu kerana memberi kerjasama yang amat baik semasa saya memerlukan maklumat.

Penghargaan yang tinggi dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kedua ibubapa saya, **Hajah Latifah bte Abdullah** dan **Hj Hasbollah bin Md Samad** serta seluruh keluarga saya yang turut membantu dalam menyiapkan kertas projek ini. Akhir sekali ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak membantu terutamanya **Utiey, Zaed, Norish, Ina, Shima, Fara, Ikin, Cheah, rakan-rakan sekelas** dan yang tersayang **Mohd Rozaini bin Rosmin**. Kenangan bersama kalian akan sentiasa tersemat di hati. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak sehinggalah kertas projek ini selesai disiapkan. Semoga ALLAH S.W.T memberkati apa sahaja yang anda lakukan. Sekian, terima kasih.

**NURUZAINI BINTI HASBOLLAH
NO 5 LORONG SELAYANG PANDANG,
JALAN SUNGAI ABONG,
84000 MUAR, JOHOR
013-3532573**

sweet_zai1985@yahoo.co.uk

LALUAN PERTUMBUHAN SEKTOR PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

ABSTRAK

Struktur ekonomi Malaysia ketika ini berada pada tahap yang boleh dibanggakan dengan pencapaian KDNK sebanyak 6.7 peratus. Berdasarkan Laporan Ekonomi dan Laporan Bank Negara, sektor yang telah menggerakkan ekonomi Malaysia ketika ini adalah sektor perkhidmatan. Namun begitu, sebelum sektor perkhidmatan ini menjadi sektor terpenting bagi negara, ia pernah mengalami kadar pertumbuhan yang tidak stabil. Ketidakstabilan kadar pertumbuhan ini disebabkan oleh beberapa krisis yang melanda dunia dan kebergantungan ekonomi Malaysia pada ketika itu adalah kepada sektor-sektor lain. Seinggalah pada RMK9, tumpuan ekonomi Malaysia beralih kepada sektor perkhidmatan daripada sektor pembuatan kerana sektor perkhidmatan dilihat mampu untuk menggerakkan ekonomi dengan lebih maju lagi. Disebabkan situasi tersebut, kajian mengenai laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan di Malaysia dikaji khusus untuk menganalisis pertumbuhan sektor perkhidmatan menggunakan pendekatan produktiviti. Terdapat dua analisis yang dilakukan iaitu pertama produktiviti sektor perkhidmatan berbanding ekonomi Malaysia. Kedua, produktiviti setiap subsektor dalam sektor perkhidmatan. Pendekatan indeks Malmquist menghasilkan dua komponen iaitu Kecekapan Teknikal (CU) dan Kecekapan Teknologi (TC) dari tahun 1995 sehingga 2007. Hasilnya, pertama, bermula dari tahun 2005 indeks produktiviti sektor perkhidmatan mencatatkan peningkatan sehingga tahun 2007 walaupun produktiviti keseluruhan ekonomi mencatatkan penurunan. Ini membuktikan bahawa sektor perkhidmatan mampu meningkatkan ekonomi negara. Kedua, sebelum tahun 2004 wujud turun naik dalam tingkat produktiviti, namun bagi tahun 2005 sehingga 2007 subsektor pengangkutan, kewangan dan utiliti menunjukkan peningkatan dalam tingkat produktiviti berbanding subsektor perdagangan dan perkhidmatan lain yang menunjukkan penurunan. Bagi kedua-dua komponen pula untuk tempoh dua tahun kebelakang ini menunjukkan kecekapan teknologi mendahului kecekapan teknikal. Ia membuktikan kecekapan yang berlaku pada masa sekarang didorong oleh tingkat teknologi yang moden. Secara keseluruhannya kajian ini dapat membentangkan bukti bahawa laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah berkembang maju dan berupaya menggerakkan ekonomi Malaysia. Dalam usaha untuk mencapai negara maju pada tahun 2020, sektor perkhidmatan mampu untuk merealisasikannya dan syaratnya hanya satu, produktiviti harus ditingkatkan setiap masa.

Kata kunci : Pertumbuhan, Produktiviti, Kecekapan, DEA, Malmquist, Perkhidmatan.

GROWING WAY OF SERVICE SECTOR IN MALAYSIA

ABSTRACT

Nowadays, the structural of Malaysia economic have a better level based on the performance percent of GDP at 6.7 percent. According to the Economic Report and Bank Negara Report, the service sector plays an important role to generate the economic growth. However, before the service sector becomes the main important sector for Malaysia, it has been facing the non-stabilization of growing due to world economic crisis and the dependence of Malaysia economic to other sectors. In Ninth Malaysia Plan, the focus of economy Malaysia have shifted to service sector from manufacture sector because the great ability of the service sector in lead the economy. Based on the situation, the aim of this research is to analyze the productivity of service sector growth utilized two different analysis. First the productivity comparison between service sector to the whole economy. Second, the productivity between all the sub sectors of service sector. The Malmquist index represent two main component that define the technical efficiency (CU) and technology efficiency (TC) from the year 1995 to 2007. The result shows; first, the productivity index of service sectors increase within the year 2005 to 2007 even though the whole economic productivity decrease. Second, before 2004 the productivity level of service sectors are fluctuate. However from year 2005 to 2007 the productivity performance of transportation, finance and utility sub sectors increase. The empirical evidence shows that the technology efficiency is better than the technical efficiency. The finding represents that modern technology has driven the productivity of service sector. As a conclusion, this research able to provide an empirical evidence of the expansion path of the service sectors especially in the development of service sectors to the economic growth. The service sector able to achieve the vision 2020 with one condition, productivity must come first.

Keywords: Growth, Productivity, Efficiency, DEA, Malmquist, Services.